



Ruj. Kami: JPA (S)(K) 241/76. Jld. 4 (32)

Tarikh : 17 Januari 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Tuan,

**PELAKSANAAN PEMANTAPAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN
MENGENAI KURSUS KENEGARAAN**


Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan sukacita memaklumkan bahawa selaras dengan usaha pemantapan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), Kerajaan telah bersetuju supaya bagi maksud memenuhi syarat lulus TK1, Kursus Kenegaraan di bawah PTK mulai 1 Januari 2005 perlu dihadiri oleh pegawai-pegawai berikut:

- 1.1 pegawai lantikan pertama dalam perkhidmatan awam yang belum disahkan perkhidmatannya; atau
 - 1.2 pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi tempoh perkhidmatannya adalah kurang daripada tiga tahun pada 1 Januari 2005 dan belum mengikuti Kursus Kenegaraan.
2. Pegawai lantikan pertama yang belum disahkan dalam perkhidmatan seperti di perenggan 1.1 perlu mengikuti Modul Kenegaraan yang dimasukkan ke dalam Kursus Induksi Umum atau Kursus Pra-Perkhidmatan atau kursus-kursus lain seumpamanya. Manakala pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan seperti di perenggan 1.2 tetapi belum menghadiri Kursus Kenegaraan, perlu mengikuti Kursus Kenegaraan secara berasingan yang dikendalikan oleh Biro Tatanegara seperti mana terkandung dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2003.

3. Jabatan ini sedang mengambil tindakan memperhalusi proses yang terlibat dalam pelaksanaan Modul Kenegaraan yang dimasukkan dalam Kursus Induksi Umum atau Kursus Pra-Perkhidmatan atau kursus-kursus lain yang seumpamanya. Satu pekililing mengenai pelaksanaannya akan dikeluarkan secara berasingan.
4. Ketua Jabatan diminta mengambil maklum mengenai pemantapan PTK berkenaan Kursus Kenegaraan ini dan mengambil tindakan sewajarnya dalam memastikan pegawai dapat mengikuti Kursus Kenegaraan di mana yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Jamaluddin', written over a horizontal line.

(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA